

PELAN STRATEGIK 2016-2020

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

CONTENTS

1. [Pengenalan](#)
2. [Asas Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan](#)
3. [Visi Dan Misi Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan](#)
4. [Nilai-Nilai Utama](#)
5. [Penekanan \(Teras Utama\)](#)
6. [Matlamat Strategik](#)
7. [Pelan Strategik Industri Sumber-Sumber Utama](#)
8. [Pelan Strategik Industri Pelancongan](#)
9. [Struktur Organisasi Kementerian Sumber-sumber Utama Dan Pelancongan](#)
10. [Rumusan](#)

1. PENGENALAN

Penubuhan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 22hb. Oktober 2015 menunjukkan hasrat kuat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya pertumbuhan keluaran industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di Negara ini dapat dipertingkatkan bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam.

Melalui pertumbuhan keluaran daripada industri-industri ini, bersama-sama dengan pertumbuhan keluaran daripada industri-industri yang lain, ini akan menjana pertumbuhan serta kepelbagaian ekonomi secara menyeluruh bagi Negara ini. Inilah perjalanan ekonomi yang dihasratkan bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Halatuju dan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini telah dilakar berasaskan kepada:

- i. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016;
- ii. Pertumbuhan Ekonomi Negara Brunei Darussalam yang perlu dicepatkan; dan
- iii. Wawasan Brunei 2035 yang perlu direalisasikan.

2.1 Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016, antaranya menekankan isu-isu ekonomi bagi Negara Brunei Darussalam, dan disimpulkan seperti berikut:

- Berbangkit daripada keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu; penurunan keluaran minyak dan gas negara serta kejatuhan harga minyak dunia telah menjejaskan prestasi makro-ekonomi NBD. Pertumbuhan ekonomi NBD bukan sahaja perlahan, malahan telah merekodkan pertumbuhan negatif;
- Untuk KDNK bertumbuh, adalah sangat mustahak untuk memperluaskan dan mempelbagaikan asas ekonomi negara ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara perlu dilipatgandakan dan juga dipercepatkan; dan
- Saiz pasaran kecil tidak boleh dijadikan alasan untuk menyekat pertumbuhan keluaran. Bagi menjamin pertumbuhan, kita perlu menerokai pasaran eksport.

PETIKAN TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BERSEMPENA MENYAMBUT AWAL TAHUN BARU MASIHI 2016.

“Kita akan terus bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berdaya saing, disamping menyedari, cabaran adalah hebat berbangkit dari keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

Disini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan negara menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar industri minyak dan gas.

Diantara yang di luar industri minyak dan gas itu, ialah seperti industri pertanian atau perikanan, industri pembuatan, industri perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Kita mustahak ingat, bahawa pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk menasarkkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai eksport.

Beta sebelum ini pernah menekankan, bahawa peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh dicapai dengan memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti, melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini.


Ini turut diyakini mampu untuk membantu mengurangkan unit kos pengeluaran, disamping juga akan membolehkan kita menembusi pasaran antarabangsa dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kita. Dengan berlakunya ini, bererti, keluaran dan eksport kita adalah tumbuh, yang dengan sendirinya, akan meletakkan ekonomi kita juga berada di tahap berkembang dan tumbuh”.

2.2 PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.


Berbangkit daripada keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu; penurunan keluaran minyak dan gas Negara; serta kejatuhan harga minyak dunia kebelakangan ini, telah menjejaskan prestasi makro-ekonomi Negara Brunei Darussalam. Pertumbuhan ekonomi Negara bukan sahaja perlahan, malahan telah merekodkan pertumbuhan negatif.

2.2.1 PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PENGELUARAN MINYAK SEHINGGA TAHUN 2016

a) Pertumbuhan Ekonomi Lemah




b) Penurunan Pengeluaran Minyak




2.2.2 KDNK SEKTOR MINYAK & GAS MENURUN

- Ekonomi NBD adalah sekitar **BND 15.7 bilion (USD 11.2 bilion)** pada harga semasa bagi tahun 2016, berbanding BND 17.8 billion (USD 12.7 billion) bagi tahun 2015.
- Dengan penduduk kira-kira 417,200 orang, KDNK per kapita pada tahun 2015 adalah **BND 43,214.00 (USD 30,867.00)**, berbanding BND 52,614.00 (USD 38,587.00) bagi tahun 2014.
- Pada harga semasa, sektor minyak dan gas menyumbang 51.7% daripada KDNK pada tahun 2016, berbanding 55.9% bagi tahun 2015.



2.2.3 PERTUMBUHAN KDNK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERBANDING 'ASEAN-5' & 'DUNIA'

Pertumbuhan KDNK NBD Rendah Berbanding 'ASEAN-5' Dan 'Dunia'



2.3 WAWASAN BRUNEI 2035

- **Wawasan Brunei 2035 menghasratkan NBD menjadi sebuah negara dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan yang disukat dari sudut kedudukan 10 negara teratas di dunia dari segi pendapatan per kapita.**
- **Dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan ketika ini, NBD berhadapan dengan cabaran untuk mencapai matlamat ini, kecuali lah pertumbuhan ekonomi dapat dipercepatkan.**

2.3.1 WAWASAN BRUNEI 2035: EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

Untuk berada pada kedudukan 10 negara teratas di dunia pada 2035, pendapatan per kapita hendaklah sekurang-kurangnya USD\$100,000.00.

| No | Country | GDP Per Capita (USD\$) | Projected GDP Per Capita in 2035 (assuming 3% per annum growth) for the current top 10 |
|-----------|-------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Luxembourg | 110,665 | 199,000 |
| 2 | Norway | 97,363 | 175,000 |
| 3 | Qatar | 93,397 | 169,000 |
| 4 | Switzerland | 84,733 | 153,000 |
| 5 | Australia | 61,887 | 111,000 |
| 6 | Denmark | 60,634 | 109,000 |
| 7 | Sweden | 58,887 | 107,000 |
| 8 | Singapore | 56,286 | 106,000 |
| 9 | United States | 54,629 | 101,000 |
| 10 | Ireland | 53,313 | 95,000 (or B\$133,000) |
| 23 | Brunei Darussalam | 40,776 | 100,000 (or B\$135,000) |

Note: Assuming current top 10 countries achieve GDP per capita growth of 3% per annum, NBD per capita must grow by 4.36 per annum to reach USD 100,000 GDP per capita by 2035.

Exchange Rate = BND/USD = BND1.35

Population 600,000 in 2035

Sumber: World Bank Data 2014

3. VISI & MISI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

VISI:

“Ke Arah Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Sehingga Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi demi Mencapai Wawasan Brunei 2035.”

MISI:

“Menerajui pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara, dan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi, serta memfokus kepada pasaran eksport.”

4. NILAI-NILAI UTAMA

- i. **PROGRESIF** — Memacu pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama secara berterusan sehingga menembusi pasaran eksport melalui peningkatan produktiviti.
- ii. **OBJEKTIF** — Mempunyai sasaran yang jelas dan jangkamasa perlaksanaan yang segera.
- iii. **CEKAP & MAHIR** — Sebarang cadangan adalah berasaskan fakta yang betul dan dengan penggunaan I.T yang meluas.
- iv. **ADIL & TELUS** — Mengutamakan industri dan pengusaha yang progresif dan produktif melalui kaedah penilaian yang sistematik dan telus.
- v. **PEMEDULIAN** — Memeduli keperluan dan kehendak petani dan pengusaha kecil dengan memberikan nasihat dan tunjuk ajar.

5. PENEKANAN (TERAS UTAMA)

- i. **PERTUMBUHAN KELUARAN (*GROWTH*)** – Mempastikan adanya pertumbuhan dan penambahan besar dalam keluaran (output) secara berterusan setiap tahun dari industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan KDNK.
- ii. **PRODUKTIVITI** – Penggunaan teknologi dan teknik moden dalam pengeluaran adalah penting untuk membantu meningkatkan produktiviti, melonjakkan pengeluaran dengan cepat serta membantu mengurangkan unit kos pengeluaran. Ini boleh membantu meningkatkan dayaasaing antarabangsa atau ‘international competitiveness’ sehingga kita dapat bersaing di peringkat antarabangsa.
- iii. **EKSPORT** – Apa yang penting ialah pengusaha tidak boleh bergantung kepada pasaran domestik yang kecil, malah terpaksa menerokai pasaran eksport demi menjamin peluang pertumbuhan peniagaan dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar.
- iv. **BERDAYATAHAN (*SUSTAINABLE*)** – Ianya mempunyai skop yang sangat luas. Bagaimanapun, antara skop yang ditekankan oleh Kementerian ini ialah untuk memastikan bahawa dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri ini, sebarang usaha akan dilakukan untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan Kerajaan. Kaedah-kaedah seperti ‘public-private partnership’, pelaburan langsung asing dan lain-lain kaedah yang sesuai dan *cost-effective* akan diterokai secara berterusan.

6. MATLAMAT STRATEGIK

- i. Meningkatkan sumbangan keluaran industri pertanian, perikanan, perhutanan dan industri pelancongan kepada pertumbuhan KDNK;**
- ii. Meningkatkan jumlah keluaran dan nilai eksport keluaran dari industri pertanian, perikanan dan perhutanan;**
- iii. Meningkatkan produktiviti industri pertanian, perikanan dan perhutanan melalui penggunaan teknologi dan teknik moden secara meluas;**
- iv. Mengurangkan pergantungan ke atas impot barang makanan tetapi bersikap terbuka dengan peningkatan impot bahan bagi industri pemprosesan;**

6. MATLAMAT STRATEGIK

- v. Meningkatkan pendapatan negara melalui pertukaran asing yang dijana daripada aktiviti eksport dan daripada industri pelancongan;
- vi. Meningkatkan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong dan pertumbuhan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK);
- vii. Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan; dan
- viii. Mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan Kerajaan dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti dengan *Public-Private Partnership (PPP)* dan lain-lain.


7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1 SITUASI MASA KINI

- i. Sumbangan industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan adalah masing-masing sebanyak 0.4%, 0.4%, 0.2% dan 1% kepada KDNK pada tahun 2015 (Rajah 1);**
- ii. Keluaran kasar industri pertanian, perikanan dan perhutanan secara keseluruhan bertumbuh pada kadar purata 7.3% setahun bagi tempoh 2011-2016 (Rajah 2); dan
- iii. Keluaran kasar industri pertanian dan perikanan merekodkan pertumbuhan positif pada kadar purata masing-masing 9.8% dan 3.3% setahun bagi tempoh 2011-2016, manakala industri perhutanan merekodkan pertumbuhan negatif -2.6% (Rajah 3, 4, 5 dan 6).

**Akan dikemaskini setelah menerima daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Jabatan Perikanan

Rajah 1. Sumbangan Industri Pertanian, Perikanan, Perhutanan dan Pelancongan kepada KDNK, 2015**




Sumber: Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi


Nota: Pelancongan adalah berdasarkan KDNK 'Hotel dan Restoran'.

**Akan dikemaskini setelah menerima daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Jabatan Perikanan


Rajah 2. Keluaran Kasar Industri Pertanian, Perikanan dan Perhutanan bertumbuh pada kadar purata 7.3% setahun



Rajah 3. Purata Pertumbuhan Industri Pertanian, Perikanan dan Perhutanan




Rajah 4. Industri Pertanian dan Agrimakanan bertumbuh sekitar 9.8% setahun



| | | | | | | |
|------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| ■ Industri Ternakan | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
| ■ Industri Tanaman | 43.86 | 59.27 | 48.46 | 55.99 | 58.53 | 56.24 |
| ■ Industri Agrimakanan | 57.21 | 62.83 | 86.24 | 102.68 | 110.48 | 118.11 |
| ■ Jumlah Pengeluaran | 240.96 | 281.53 | 291.67 | 357.25 | 366.15 | 385.18 |

■ Industri Ternakan ■ Industri Tanaman ■ Industri Agrimakanan ■ Jumlah Pengeluaran


Rajah 5. Industri Perikanan bertumbuh sekitar 3.3% setahun



| | | | | | | |
|---------------------------|-------|-------|-------|-------|--------|-------|
| ■ Pemrosesan Makanan Laut | 6.37 | 8.8 | 12.17 | 14.25 | 15.85 | 15.33 |
| ■ Akuakultur | 2.68 | 4.73 | 4.87 | 7.81 | 10 | 9.89 |
| ■ Tangkapan | 71.98 | 72.27 | 74.61 | 71.5 | 84.98 | 70.11 |
| ■ Jumlah Pengeluaran | 81.03 | 85.80 | 91.65 | 93.56 | 110.83 | 95.33 |

■ Pemrosesan Makanan Laut ■ Akuakultur ■ Tangkapan ■ Jumlah Pengeluaran

Rajah 6. Industri Perhutanan merekodkan pertumbuhan negatif 2.6% setahun



| | | | | | | |
|------------------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| ■ Industri Pemprosesan Primer | 33.32 | 31.93 | 35.11 | 34.47 | 29.41 | 31.58 |
| ■ Industri Hiliran Berasaskan Kayu | 7.66 | 5.2 | 5.37 | 4.63 | 4.53 | 4.31 |
| ■ Jumlah Pengeluaran | 40.98 | 37.13 | 40.48 | 39.1 | 33.94 | 35.89 |

■ Industri Pemprosesan Primer ■ Industri Hiliran Berasaskan Kayu ■ Jumlah Pengeluaran

7.2 ISU DAN CABARAN

- i. Tapak industri yang agak terhad dan sebahagiannya kurang sesuai untuk diusahakan serta bekalan keperluan kemudahan- kemudahan infrastruktur yang tidak mencukupi;
- ii. Kebanyakan perusahaan berskala kecil dengan produktiviti yang rendah menyebabkan kos pengeluaran tinggi dan tidak ekonomikal;
- iii. Kewangan dan modal yang tidak mencukupi untuk mengembangkan perusahaan;
- iv. Kebanyakan pengusaha kurang arif dalam bisnes plan dan penyediaan buku kira-kira menyebabkan kesukaran mendapatkan sumber pembiayaan dari institusi kewangan tempatan;
- v. Akses pasaran yang terhad disebabkan rangkaian pasaran (*market network*) pengusaha-pengusaha sedia ada belum kukuh dan mantap; dan
- vi. Kurang penglibatan generasi baru mempelopori perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan industri sumber-sumber utama.

7.3 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN

- i. Mengoptimalkan penggunaan tapak-tapak industri yang terhad dengan meningkatkan produktiviti dan keluaran melalui penggunaan teknologi serta amalan terbaik;
- ii. Menggalakkan perusahaan berskala besar dan menggunakan baka ternakan ataupun varieti tanaman hasil tinggi dan berkualiti serta penggunaan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti perusahaan dan mengurangkan unit kos pengeluaran;
- iii. Meneroka modal niaga (*'business model'*) dimana penyertaan pelabur-pelabur tempatan dan asing digalakkan untuk mengadakan usahasama dengan pengusaha tempatan melalui kaedah seperti *'venture capital'*, *'contract farming'* dan lain-lain. Melalui urusan sedemikian, ini akan dapat memberi faedah positif dari aspek pemindahan teknologi dan kepakaran, termasuklah juga suntikan pelaburan dan modal untuk mengembangkan perusahaan. Penglibatan pelabur langsung asing juga akan memudahkan laluan pasaran (*'market access'*) untuk eksport dengan menggunakan rangkaian pasaran (*'market network'*) mereka yang sedia ada;
- iv. Membimbing pengusaha kecil dalam menyediakan *business plan* dan buku kira-kira bagi sebarang aktiviti berkaitan sumber-sumber utama dan pelancongan; dan
- v. Melaksanakan program-program bagi menarik minat serta menggalakkan penglibatan generasi baru di dalam perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan industri sumber-sumber utama.


7.4 SASARAN & HALATUJU

Penekanan adalah untuk memastikan adanya pertumbuhan keluaran dari industri-industri pertanian, perikanan dan perhutanan dengan menggalakkan penyertaan pelaburan dari dalam dan luar negara; memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti dan penggunaan teknologi tinggi; serta memfokus kepada pasaran eksport.

Sasaran dan Trajektori Industri Sumber-Sumber Utama (2016-2020):


- i. Keluaran kasar industri sumber-sumber utama secara keseluruhan disasarkan bertumbuh pada purata 36.8% setahun (2016-2020) dan bernilai \$1.8 billion menjelang tahun 2020 (Rajah 7), berbanding pertumbuhan purata secara keseluruhan 7.3% setahun (2011-2016) bernilai \$516 juta pada tahun 2016 (Rajah 2); dan
- ii. Purata pertumbuhan tahunan keluaran kasar industri pertanian, perikanan dan perhutanan disasarkan masing-masing 29.4%, 63% dan 6% bagi tempoh 2016-2020 (Rajah 8, 9 dan 10) berbanding masing-masing 9.8 %, 3.3% dan -2.6% bagi tempoh 2011-2016 (Rajah 4, 5 dan 6).

Rajah 7. Keluaran Kasar Industri Pertanian, Perikanan dan Perhutanan disasarkan bertumbuh pada kadar purata 36.8% setahun



** Data 2016 adalah data sebenar


Rajah 8. Keluaran Kasar Industri Pertanian disasarkan bertumbuh pada kadar purata 29.4% setahun



| | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
|----------------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| ■ Tanaman | 56.24 | 120.9 | 187.62 | 243.17 | 275.59 |
| ■ Ternakan | 210.83 | 278.34 | 304.67 | 334.26 | 464.14 |
| ■ Agrimakanan | 118.11 | 169.48 | 218.44 | 275.31 | 340.77 |
| ■ Jumlah Pengeluaran | 385.18 | 568.72 | 710.73 | 852.74 | 1080.5 |


** Data 2016 adalah data sebenar

Rajah 9. Keluaran Kasar Industri Perikanan disasarkan bertumbuh pada kadar purata 63% setahun



** Data 2016 adalah data sebenar

Rajah 10. Keluaran Kasar Industri Perhutanan disasarkan bertumbuh pada kadar purata 6% setahun



** Data 2016 adalah data sebenar

7.5 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI-INDUSTRI TUMPUAN

Untuk mencapai sasaran dan trajektori 2016-2020, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan-Jabatan yang berkenaan akan memberikan tumpuan kepada beberapa industri utama. Industri-industri tersebut ialah: ayam pedaging; sayur-sayuran; bunga keratan; agrimakanan; akuakultur perikanan; pemprosesan makanan laut; dan industri hiliran dan nilai tambah perhutanan.

7.5.1 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI AYAM PEDAGING


Sasaran:

- i. Meningkatkan pertumbuhan keluaran ayam pedaging daripada 24,451.66 tan metrik (bernilai \$111.65 juta) pada tahun 2016 kepada 68,779 tan metrik (bernilai \$289.29 juta) pada tahun 2020; dan
- ii. Menembusi pasaran eksport sebanyak 22,458 tan metrik (bernilai \$80.85 juta) pada tahun 2020.

Inisiatif Utama:

- i. Meningkatkan pengeluaran daripada ladang-ladang sedia ada melalui peningkatan infrastruktur asas; menggalakkan pengusaha menggunakan teknologi moden; menggalakkan kerjasama dengan pelabur-pelabur; dan menaik-taraf reban konvensional kepada reban tertutup;
- ii. Membuka kawasan-kawasan baru untuk perusahaan ayam pedaging secara bersepadu (*integrated poultry farming*): Semabat (200ha) dan Birau (50ha);
- iii. Meningkatkan produktiviti pengeluaran dengan menggalakan ladang-ladang di KKP Tanah Tuah, Bertumpu dan Sungai Tajau untuk menaik taraf reban-reban konvensional ke reban-reban jenis tertutup; dan
- iv. Memudahkan akses pasaran eksport melalui pelaksanaan program-program keselamatan makanan; amalan perladangan baik; dan mematuhi keperluan eksport dan piawaian-piawaian serantau dan antarabangsa.

Rajah 11. Industri Ayam Pedaging disasarkan bertumbuh pada kadar purata 26.9% setahun



** Data 2016 adalah data sebenar

Jadual 1. Pelan Pelaksanaan Industri Ayam Pedaging

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan Keluaran | Aktiviti Utama* | Owner |
|---------------------------------------|--------------------------------|-------------------------------|-----------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | | |
| A. Pertumbuhan Industri Ayam Pedaging | 1. Peningkatan Keluaran (170%) | 24,451.66 Mt \$111.65 juta | 68,779 Mt \$289.29 juta | <p>Peningkatan Pengeluaran dari Ladang sedia ada:</p> <p>Pembukaan Kawasan Baru:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semabat 2. Birau 3. Merangking (2022) <p>Menaiktaraf ladang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tanah Tuah 2. Batumpu 3. Sungai Tajau | 29,516 MT — 132.8 juta | <p>Jabatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan infrastruktur asas — Tenaga letrik, Air domestik. • Menggalakkan suntikan modal pelaburan • Mengeluarkan RFP bagi Semabat dan Merangking • Penguatkuasaan KPI terhadap tapak-tapak KKP: <ol style="list-style-type: none"> a) Penarikan tapak b) Penukaran sewa tapak <p>Pengusaha:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan khidmat nasihat • Membantu penyerapan teknologi pertanian • Penyelerasan pengurusan pasaran export | Bahagian Industri Ternakan |
| | 2. Peningkatan Produktiviti | 68.25 Mt/ha* | 102.51 Mt/ha* | <ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf Reban konvensional ke Reban tertutup | | | |
| | 3. Eksport | Nil | 22,458 Mt* 80.85 juta* | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan akses pasaran ke Singapura | | | |
| | | | *berdasarkan pengeluaran dari Birau & Semabat | | | | |

'ECOSYSTEM & VALUE CHAIN' INDUSTRI TERNAKAN AYAM PEDAGING

LADANG AYAM PEMBIAK

LADANG
PENETASAN
TELUR AYAM

LADANG AYAM
PEDAGING

PENYEMBELIHAN

PEMROSESAN

PENGEDARAN

PEMBOLEHCARA

▪ Pengusaha:

- Progresif; dan
- Berorientasi eksport.

▪ Aktiviti Penternakan:

- Tapak bagi aktiviti penternakan;
- Suntikan modal pelaburan;
- Tenaga Elektrik dan Bekalan Air;
- Sumber Tenaga Manusia; dan
- Teknologi Pengeluaran.

▪ Garispandu:

- GAHP/GMP/HACCP/Halal.

▪ Keperluan Export:

- Pendaftaran Negara Brunei sebagai pengeksport;
- Certificate of Origin;
- Program Pemantauan Penyakit Haiwan Kebangsaan;
- Perlaksanaan Akta (*Veterinary Surgeon Order, Wholesome Meat Act, Animal (Disease and Quarantine) Order*);
- Perkhidmatan Makmal Kompeten – Pengiktirafan ISO 17025;
- Pengiktirafan GAHP/GMP/HACCP/Halal (Brunei);
- Penyimpanan & Penyejukan Produk;
- Kekukuhan Jaringan Pasaran & Pemasaran;
- Penjanamaan Produk; dan
- Permit Impot / Ekspot.

'SPIN-OFF' INDUSTRI

- Industri Pembinaan dan Kerja Kerja Tanah;
- Teknologi Pengeluaran;
- Kilang/Pembekal Makanan Ternakan;
- Kilang Baja Organik; dan
- Industri Kewangan & Insuran.

- Badan Akreditasi dan Pensijilan;
- Industri Kimia dan ubat-ubatan veterinar;
- Perkhidmatan Pembuangan; dan
- Perkhidmatan Teknikal Perladangan.

- Industri Pembungkusan;
- Kemudahan fasiliti sejuk-beku (*Cold Storage*);
- Perkhidmatan Pengedaran dan Lojistik;
- Pemprosesan sekunder; dan
- Pusat Penerimaan/Kutipan (*Collection Centre*).

7.5.2 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI SAYUR-SAYURAN


Sasaran:

- i. Meningkatkan pertumbuhan keluaran sayur-sayuran tropika daripada 13,952 tan metrik (bernilai \$35.45 juta) pada tahun 2016 kepada 78,900 tan metrik (bernilai \$181.41) pada tahun 2020; dan
- ii. Menembusi pasaran eksport sebanyak 50,000 tan metrik (bernilai \$150 juta) pada tahun 2020.

Inisiatif Utama:

- i. Meningkatkan pengeluaran daripada ladang-ladang sedia ada dengan menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk berpindah dari sistem pengeluaran secara konvensional kepada sistem perladangan moden;
- ii. Membuka kawasan-kawasan baru untuk diusahakan secara komersial melalui *Request For Proposal*: KKP Tungku (110ha); KKP Lumapas (7ha) ; KKP Sibongkok (60ha); dan KKP Sinaut (40Ha);
- iii. Meningkatkan produktiviti pengeluaran dengan menggalakan pengusaha-pengusaha untuk mengusahakan ladang-ladang menggunakan sistem berteknologi tinggi;
- iv. Menggalakkan penyertaan pelabur-pelabur asing, selain bertujuan membawa teknologi dan kepakaran, juga akan memudahkan laluan pasaran untuk eksport menggunakan rangkaian pasaran mereka; dan
- v. Memudahkan akses pasaran melalui pelaksanaan program-program amalan perladangan terbaik (*Good Agricultural Practices*) dan mematuhi keperluan dan piawaian-piawaian serantau dan antarabangsa.

Rajah 12. Industri Sayur disasarkan bertumbuh pada kadar purata 51.1% setahun



** Data 2016 adalah data sebenar

Jadual 2. Pelan Pelaksanaan Industri Sayur

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan Keluaran | Aktiviti Utama* |
|----------------------------|-------------------------|------------------------|---------------------------|-----------------------------------------------|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Pertumbuhan industri sayur | 1. Peningkatan Keluaran | 13,952 Mt \$35 juta | 78900 Mt \$181.41 juta | Pembukaan Tapak seluas 40 ha KKP Tungku (ATP) | 3060 Mt / \$7.04 juta | <ul style="list-style-type: none"> • Penawaran tapak melalui RFP • Penambahbaikan kawasan tumpuan seperti jalan, longkang, mitigasi banjir • Pemasangan tambahan irrigation pipeline • Pemasangan tambahan elektrik dan paip air domestik • Pembinaan jalan baru • Penyediaan Electrical substation • Penyediaan peta dan koordinasi • Penyediaan kontrak perjanjian |
| | | | | Pembukaan Tapak seluas 7ha, KKP Lumapas | 702 Mt /\$1.6juta | |
| | | | | Pembukaan Tapak seluas 60ha, KKP Sibongkok | 5616 Mt /\$13juta | |

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan Keluaran | Aktiviti Utama* |
|----------------------------|-------------------------|--------------|--------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Pertumbuhan industri sayur | 1. Peningkatan Keluaran | | | Pembukaan tapak seluas 40ha, KKP Sinaut | 450 Mt/ \$ 1.03 juta | <ul style="list-style-type: none"> • Penawaran tapak melalui RFP • Penambahbaikan kawasan tumpuan seperti jalan, longkang, mitigasi banjir • Pemasangan tambahan irrigation pipeline • Pemasangan tambahan elektrik dan paip air domestic • Pengusaha yang progresif • Pemindahan Teknologi • Latihan dan khidmat nasihat business model • Contract farming |
| | | | | Peningkatan ladang sedia ada seluas 692 ha, KKP Batumpu, KKP Sg Tajau. KKP Birau, KKP Luahan. KKP Lumapas, KKP Sg Liang dan lain lain KKP tanaman sayur | 68,080Mt/ \$157 juta | <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian semula ladang yang kurang aktif • Penarikan ladang yang tidak aktif dan penawaran semula KKP melalui RFP atau tender • Menyediakan piawai peningkatan pengeluaran sayur • Penambahbaikan sistem jalan, longkang, mitigasi banjir pemasangan air domestik • penambahan pemasangan paip saluran pengairan lading • Meningkatkan latihan kepada peladang dalam pengurusan ladang • Memberi latihan dalam pengurusan kewangan kepada peladang • Memberi latihan teknologi tinggi kepada peladang |

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan Keluaran | Aktiviti Utama* |
|----------------------------|------------------------------------|--------------|--------------|---------------------------------------------------------|-------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Pertumbuhan industri sayur | 2. Peningkatan Produktiviti per ha | 20 mt/ha | 80 -90 mt/ha | Pembinaan pusat pengumpulan, penyimpanan dan pengedaran | | Penawaran tapak melalui RFP di kawasan strategik KKP Batumpu, KKP sinaut dan KKP Tungku |
| | | | | Perisikan maklumat pasaran (Market research) | | Permohonan peruntukan tawaran Market research <ul style="list-style-type: none"> Mengeluarkan tawaran Analisis maklumat Penyaluran maklumat kepada peladang |
| | | | | Meningkatkan Pengiktirafan ladang | | <ul style="list-style-type: none"> Roadshow kepada sekolah, peladang dan pengguna Menyenaraikan Brunei GAP sebagai salah satu keperluan dalam spesifikasi RFP, tender tapak dan penyambungan semula tapak Menjadikan produk Brunei GAP sebagai satu kewajipan dalam penyediaan makanan di kedai kedai dan retailer |

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan Keluaran | Aktiviti Utama* |
|----------------------------|------------|------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Pertumbuhan industri sayur | 3. Eksport | 0 Mt \$0 juta | 50,000Mt \$150 juta (Assumption 10% dari ladang sedia ada dan 10,000 Mt dari FDI) | Piawaian kualiti eksport • ASEAN GAP • Brunei GAP • Global GAP | | <ul style="list-style-type: none"> Pengiktirafan ladang/produk |
| | | | | Kuarantin treatment | | <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan perkhidmatan kawalan penyakit dan musuh tanaman melalui quarantine treatment Penyemakan piawaian kuarantin bagi setiap negeri pengimport |
| | | | | Market access | | <ul style="list-style-type: none"> Business matching melalui perwakilan di luar negara atau perwakilan negara luar di Brunei Penyemakan trade agreement dan free trade agreement negara pengimport |
| | | | | Trade facilitation instrument | | <ul style="list-style-type: none"> Sanitary and phyto-sanitary standard National single window BIMP EAGA network ASEAN Trade in Goods Agreement WTO trade facilitation Brunei International Air Cargo Courier Cargo logistic Tariff |

‘ECOSYSTEM & VALUE CHAIN’ INDUSTRI TANAMAN SAYUR-SAYURAN



| | | | |
|----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PEMBOLEHCARA | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengusaha (Progresif, Berorientasikan eksport); ▪ Tapak; ▪ Infrastruktur asas; ▪ Kuota buruh yang mencukupi; ▪ Pekerja mahir; ▪ Teknologi; dan ▪ Kewangan bagi pelaburan modal. | | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kajian pasaran; ▪ Keperluan eksport: Akta penggunaan racun & baja; ▪ Brunei GAP piawaian; ▪ Autoriti kompeten; dan ▪ Persijilan makmal/keselamatan makanan. |
| | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembekalan biji benih; dan ▪ Pembekalan kimia ladang. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawalan Kualiti; ▪ Kawalan musuh dan penyakit; dan ▪ Label. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyimpanan (<i>cold storage</i>); dan ▪ Keperluan eksport: Keperluan negara import, rawatan kimia, kuarantin. |
| ‘SPIN-OFF’ INDUSTRI | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembinaan dan kerja-kerja tanah; dan ▪ Pembekalan mesin. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Konsultan dan latihan; dan ▪ Penggredan. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pek permulaan teknologi. |
| | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembekalan biji benih; ▪ Pembekalan kimia ladang; dan ▪ Pemeliharaan ladang. | | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahan pembungkusan. |

7.5.3 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI BUNGA KERATAN


Sasaran:

- i. Meningkatkan pertumbuhan keluaran bunga-bunga keratan daripada 127,776 keratan (bernilai \$0.12 juta) pada tahun 2016 kepada 12,120,228 keratan (bernilai lebih \$30 juta) pada tahun 2020; dan
- ii. Menembusi pasaran eksport sebanyak 9,596,160 keratan (bernilai \$29 juta) pada tahun 2020.

Inisiatif:

- i. Meningkatkan pengeluaran daripada ladang-ladang sedia ada dengan menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk berpindah dari sistem pengeluaran secara konvensional kepada sistem perladangan moden;
- ii. Membuka kawasan-kawasan baru untuk diusahakan secara komersial melalui RFP: KKP Batumpu (10ha) dan KKP Mumong (21ha);
- iii. Meningkatkan produktiviti pengeluaran dengan menggalakan pengusaha-pengusaha menggunakan sistem pengeluaran berteknologi tinggi;
- iv. Menggalakkan penyertaan pelabur-pelabur asing, selain untuk membawa teknologi dan kepakaran, juga akan memudahkan laluan pasaran untuk eksport menggunakan rangkaian pasaran mereka; dan
- v. Memudahkan akses pasaran melalui pelaksanaan program-program amalan perladangan terbaik (Good Agricultural Practices) dan mematuhi keperluan eksport dan piawaian-piawaian serantau dan antarabangsa.

Rajah 13. Industri Bunga Keratan disasarkan bertumbuh pada kadar purata 298% setahun



** Data 2016 adalah data sebenar

Jadual 3. Pelan Pelaksanaan Industri Bunga Keratan

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan keluaran | Aktiviti utama* | Owner |
|----------------------------------|-----------------------------------------|--------------------------------|------------------------------------|------------------------------------------|--------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | | |
| Pertumbuhan Industri Florikultur | 1. Peningkatan Keluaran (Bunga Keratan) | 127,776 keratan \$0.12 juta | 12,120,228 keratan \$30.11 juta | Penawaran tapak seluas 10ha, KKP Batumpu | 6,854,400 keratan \$17 juta | <p>Jabatan</p> <p>1. Pengiklanan RFP Batumpu pada September 2016.</p> <p>2. Peningkatan infrastruktur bagi mengelakkan banjir (<i>drainage</i>).</p> <p>Pengusaha</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan khidmat nasihat • Membantu penyerapan teknologi pertanian • Penyelarasan pengurusan pasaran eksport | Bahagian Industri Tanaman |
| | | | | Pembukaan Tapak seluas 21ha, KKP Mumong | 5,140,800 keratan \$13 juta | <p>1. Pengiklanan RFP Mumong pada Jan 2017.</p> <p>2. Penyediaan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, air, jalan dan mitigasi banjir.</p> | |

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan keluaran | Aktiviti utama* | Owner |
|----------------------------------|---------------------------------------------------|----------------|-----------------------------|-----------------------------|-------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | | |
| Pertumbuhan Industri Florikultur | 2 Peningkatan Produktiviti per ha (Bunga Keratan) | 87,518 keratan | 761,600 keratan | Penggunaan teknologi tinggi | | Menggalakkan pelaburan asing langsung (FDI) untuk usaha sama (JV) dengan syarikat tempatan untuk pemindahan teknologi. | Bahagian Industri Tanaman |
| | 3 Eksport (Bunga Keratan) | -nil- | 9,596,160 keratan \$29 juta | Piawaiian kualiti eksport | | 1.Pengiktirafan ladang/produk (Brunei GAP) 2.Meningkatkan kapasiti autoriti kompeten untuk keperluan eksport. | Bahagian Industri Tanaman |
| | | | | <i>Market intelligence</i> | | 1.Kajian pasaran untuk mengetahui tren pasaran, harga pasaran. 2.Khidmat nasihat pemasaran. | Bahagian Industri Tanaman |

‘ECOSYSTEM & VALUE CHAIN’ INDUSTRI FLORIKULTUR



| | | | | |
|----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan Pelabur Langsung Asing (FDI); dan • Integrasi perusahaan | <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat pembekal bahan mentah domestik/import; dan • Syarikat Pembekal ais | <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat pembekal mesin dan peralatan pemprosesan; dan • Pensijilan HACCP | <p>Syarikat pembekal peralatan pembungkusan</p> | <p>Syarikat pembekal mesin dan pemeliharaan pembekuan</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan makmal; • Perkhidmatan pemeriksaan kilang; • Sijil Kesihatan; • Eksport Permit; • Certificate of Origin; • <i>Competent Authority</i> Jabatan untuk pasaran EU; • EU Number; dan • <i>Endorsement</i> HACCP dokumen untuk eksport. |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan logistik domestik/import | | | | | |

7.7.1 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI PERHUTANAN (HILIRAN & NILAI TAMBAH)


Sasaran:

- i. Meningkatkan pertumbuhan industri hiliran dan nilai tambah berasaskan kayu daripada \$4.31 juta (2016) kepada \$8.35 juta (2020).

Inisiatif:

- i. Meningkatkan penglibatan dan keupayaan Syarikat-syarikat Kilang Papan (SSKP) yang sedia ada dengan menggabungkan mereka supaya berupaya beroperasi berskala besar; menggalakkan usahasama SSKP dengan pelabur-pelabur, serta penggubalan dasar-dasar berkaitan bagi membantu pertumbuhan industri ini;
- ii. Pembekalan sumber bahan mentah yang berdayatahan dengan melaksanakan projek penubuhan ladang hutan dan meneruskan projek penanaman mengaya; dan
- iii. Menembusi pasaran eksport dengan melaksanakan pensijilan hutan dan membina stesen pemeriksaan kayu untuk menepati '*chain of custody*' (COC) bagi tujuan mendapatkan pengiktirafan '*eco-labeling*'.

Rajah 17. Keluaran Kasar Industri Hiliran Berasaskan Kayu disasarkan bertumbuh pada kadar purata 17.9% setahun



- Pada masaini, 5 buah syarikat menjalankan industri hiliran dan nilai tambah
- Menjelang tahun 2020, tambahan dua buah syarikat akan melaksanakan industri hiliran dan nilai tambah
- ** Data 2016 adalah data sebenar

Jadual 8. Pelan Pelaksanaan Industri Hiliran & Nilai Tambah

| Program | KPI | Sasaran | | Inisiatif | Jangkaan Keluaran | Aktiviti Utama* | Owner |
|---------------------------------------------------------------|-------------------------|-----------------|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | | |
| Pertumbuhan Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu | 1. Nilai Keluaran | \$4.31 juta | \$8.34 juta | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan sumbangan keluaran industri perhutanan dalam KDNK dan kutipan hasil | | <p>Menggalakkan penglibatan dan keupayaan syarikat kilang papan (SKP) sedia ada melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggabungan SKP bagi operasi perkilangan berskala besar Pengujudan hubungan usahasama SKP dengan pelabur Pengemaskinian dasar-dasar berkaitan bagi menggalak dan memudahcara pertumbuhan industri hiliran dan nilai tambah termasuk perusahaan arang Penggunaan mesin-mesin moden <p>Penyediaan sumber bahan mentah yang berdayatahan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlaksanaan projek penubuhan ladang hutan Meneruskan projek penanaman mengaya | |
| | 2. Penglibatan Syarikat | 5 buah syarikat | 7 buah syarikat | | | | |

7.3.1 'ECOSYSTEM & VALUE CHAIN' INDUSTRI PERHUTANAN (HILIRAN & NILAI TAMBAH)




| | INDUSTRI PEMBALAKAN | INDUSTRI PERKILANGAN PAPAN | Industri Hiliran Berasaskan Kayu | JUALAN |
|----------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| PEMBOLEHCARA | <ul style="list-style-type: none"> • Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif • Program Peningkatan Keluaran Industri Perkayuan yang Berdayatahan dengan Berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Lestari • Pelaksanaan Program Penilaian ke atas Sumber Hutan bagi Mendokong Pertumbuhan Industri Perhutanan yang Berasaskan Kepelbagaian Bio • Kawasan Konsesi - JPH • Kuota Pembalakan — JPH • 24 Syarikat Kilang Papan | <ul style="list-style-type: none"> • Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif • Mesin/Teknologi moden - <i>Companies</i> • Kayu berkualiti - JPH • 24 Syarikat Kilang Papan | <ul style="list-style-type: none"> • Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif • Rancangan Pemajuan Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu untuk Meningkatkan Keluaran dan Ekspot • Tenaga kerja berkemahiran — MoHA & MoE • Teknologi moden — JPH & EIDPMO • <i>Market Access</i> - MoFAT • Tapak Perindustrian — JPH, MoHA & MoD • FDI — BEDB & DARE • 5 Syarikat Hiliran | |
| 'SPIN-OFF' INDUSTRI | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Maintenance & repairs</i>(mesin & peralatan) | <ul style="list-style-type: none"> • Penghasilan Arang • Penghasilan kompos • Pengangkutan • <i>Packaging</i> • <i>Maintenance & repairs</i>(mesin & peralatan) | <ul style="list-style-type: none"> • Pengangkutan produk-produk hiliran dan nilai tambah (Syarikat pengangkutan dan perkapalan) • <i>Maintenance & repairs</i>(mesin & peralatan) | |

8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

8.1 SITUASI MASA KINI

- i. Bilangan pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam merekodkan pertumbuhan pada kadar purata negatif 2% bagi tempoh 2011-2016 (Rajah 18).**

Rajah 18. Pertumbuhan Ketibaan Pelancong Melalui Udara ke Negara Brunei Darussalam (2011-2016)



** Data 2016 adalah data sebenar

8.2 ISU DAN CABARAN

- Produk-produk pelancongan yang masih boleh diperbaiki;
- Kualiti perkhidmatan dan tahap hospitaliti pelancongan yang masih boleh ditingkatkan;
- Ketinggian nilai mata wang Negara Brunei Darussalam berbanding dengan nilai matawang Negara-negara jiran;
- Persaingan dengan Negara-negara jiran yang telah lama memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti pelancongan seperti Indonesia (Bali), Thailand (Phuket), Malaysia (Langkawi), Singapura dan lain-lain; dan
- Penduduk dan residen tempatan yang sudah sekian lama terbiasa dengan perancangan melancong keluar Negara pada setiap musim percutian panjang.

8.3 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN

- 1. Mengukuhkan produk-produk pelancongan yang berpotensi menarik lebih ramai lagi pelancong dalam dan luar Negara:-**
 - Pakej Percutian Destinasi Temburong; dan
 - Pakej Pelancongan Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer Warisan Negara.
- 2. Meningkatkan kualiti kemudahan pelancongan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung-pengunjung melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:-**
 - Mengukuhkan tahap keselamatan bagi pengunjung-pengunjung dan memastikan aspek keselamatan di destinasi-destinasi pelancongan terjamin seperti taklimat keselamatan, penyediaan papantanda keselamatan, perlindungan insuran, pengauditan terhadap keselamatan, pemeliharaan infrastruktur, peralatan dan kemudahan secara berjadual dan berterusan;
 - Meningkatkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam seperti menambah bilangan dan perkhidmatan teksi, bas awam dan perahu tambang; dan
 - Meningkatkan piawaian prasarana.

3. Meningkatkan Kursus Dan Program Hospitaliti;

- Mewujudkan program latihan dengan institusi yang menyediakan hospitaliti pelancongan dan latihan. Jabatan Kemajuan Pelancongan akan memantau kandungan subjek yang disediakan berdasarkan keperluan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam.
- Kolaborasi di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Laksamana College of Business (LCB) telah diwujudkan bagi melatih pemandu-pemandu pelancong ke arah mengukuhkan pengetahuan dan perkhidmatan agensi-agensi pelancongan; dan
- Peningkatan tahap perkhidmatan yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan seperti kakitangan galeri, muzium, pengusaha hotel-hotel dan *Homestay* serta pengendali pengangkutan.

4. Penubuhan Lembaga Pelancongan Brunei (BTB);

- Penubuhan ini telah ditadbirkan di bawah enakmen Perintah Pelancongan 2016 yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bertarikh pada 26 Oktober 2016. Objektif utama bagi penubuhan BTB ini adalah untuk bertindak sebagai arahan dasar mengenai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan dan menyediakan platform bagi dialog antara sektor swasta dan Kerajaan dalam isu-isu yang berkaitan dengan pelancongan.

5. Meningkatkan Promosi dan Pemasaran;

- Meningkatkan keberkesanan promosi pelancongan melalui e-Pemasaran, penggunaan teknologi info-komunikasi (ICT) dan lain-lain aktiviti bagi menarik lebih ramai *In-bound tourists* ke Negara Brunei Darussalam.

6. Mengwujudkan Dasar dan Strategi Pelancongan Kebangsaan;

- Menggubal dasar dan strategi pelancongan kebangsaan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan bagi menangani senario pelancongan global yang sentiasa berubah lagi kompetitif.

7. Meningkatkan maklumat pelancongan mengenai Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei;

- Meningkatkan kemudahan untuk para pelancong seperti penyediaan tempat maklumat pelancongan, serta kemudahan-kemudahan lain seperti penginapan, kedai 24 jam dan kedai-kedai membeli-belah.

8. Kemudahan pemberian Visa;

- Pelaksanaan *visa on arrival* dengan tatacara baru bagi pemegang paspot biasa bagi warga Negara seperti berikut (dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri):-
 - Republik Rakyat China;
 - Russia; dan
 - Turki
- Permohonan visa secara *online*, *visa on arrival* dan di Kedutaan NBD di luar Negara.

9. Skim Pengkelasan Premis Penginapan Pelancongan;

- Untuk memastikan semua tempat penginapan pelancongan mematuhi keperluan-keperluan yang mandatori dari segi standard dan garis panduan klasifikasi penginapan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.

10. Dialog secara berterusan bersama stakeholders dalam industri pelancongan;

- Bagi mendapat maklum balas daripada stakeholders mengenai isu-isu semasa dan cabaran-cabaran dalam industri pelancongan serta mendapatkan cara-cara untuk mengatasi isu-isu tersebut.


8.4 SASARAN DAN HALATUJU

Penekanan adalah untuk memastikan adanya peningkatan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong yang berterusan dan berdayatahan, dan pertumbuhan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan dengan pelancongan iaitu dengan memberikan tumpuan kepada pengukuhan daya tarikan; kepelbagaian produk-produk pelancongan; serta meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sasaran dan Trajektori Industri Pelancongan (2016-2020):


- i. Ketibaan pelancong disasarkan bertumbuh pada purata 20% setahun (2016-2020) (Rajah 19) berbanding purata negatif 2% setahun (2011-2016) (Rajah 18), dengan pendapatan pelancongan dianggarkan mencecah \$335 juta menjelang 2020 (Rajah 20).

Rajah 19. Pertumbuhan Ketibaan Pelancong melalui udara disasarkan bertumbuh pada kadar purata 20% setahun (2016-2020)



****Data 2016 adalah data sebenar**

Rajah 20. Sasaran Pendapatan Pelancongan (2016-2020)



**Data sebenar 2016 diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan

'ECOSYSTEM & VALUE CHAIN' INDUSTRI PELANCONGAN



| | | | |
|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PEMBOLEHCARA | <ul style="list-style-type: none"> • Destinasi yang menarik (Tempat membeli-belah/Taman-taman/Tempat bersejarah) • Aktiviti yang menarik (<i>Social</i>/ MICE/Sukan/Kebudayaan/Warisan) | <ul style="list-style-type: none"> • Kompetensi dan Latihan; • Perkhidmatan yang berkualiti; dan • Pengurusan Operasi yang cekap | <ul style="list-style-type: none"> • Bajet promosi; • Jalinan kerjasama (<i>Networking</i>); dan • Penggunaan ICT |
| | Pengusaha yang progresif dan kreatif | | |

| | | |
|---------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 'SPIN-OFF' INDUSTRI | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Money Changer</i> • Syarikat perkhidmatan ICT • <i>Souvenir shops</i> • Produk-produk Kampong/ kotej dan kraftangan • Perkhidmatan latihan hospitaliti • <i>Event Organisers</i> | <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat-syarikat perkhidmatan ICT • Syarikat pemasaran |
|---------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

8.6 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI PELANCONGAN

Untuk mencapai sasaran dan trajektori 2016-2020, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan akan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- i. Mengukuhkan produk-produk pelancongan utama (*primary products*) di Negara ini, iaitu Daerah Temburong; Bandar Seri Begawan; dan Kampong Ayer;
- ii. Mengukuhkan produk-produk pelancongan 'emerging'; dan
- iii. Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan dan Fasiliti Produk Pelancongan.

8.6.1 PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN TEMBURONG

Sasaran adalah untuk meningkatkan jumlah pelawat daripada 10,646 (2016) kepada 24,000 (2020).

Inisiatif Utama:

- i. Melaksanakan pembangunan dan memajukan tempat-tempat destinasi pelancongan seperti berikut:
 - Pembangunan Batang Duri — *River Centre* ;
 - Pembangunan *River Resort*;
 - Penswastaaan *Temburong Resthouse* dan sekitarnya; dan
 - Penswastaaan *Temburong Cultural and Heritage Gallery*.

Jadual 9. Pelan Pelaksanaan Produk Pelancongan Primer (Daerah Temburong)

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|-----------------------------------------|----------------|--------------|--------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Pengukuhan produk pelancongan Temburong | Jumlah pelawat | 10,646 | 24,000 | Pembangunan Batang Duri - <i>River Centre</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Resort style accommodation;</i> • <i>Restaurant and café; dan</i> • <i>Retail/shop/souvenir</i> | | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pewartaan Tapak;</i> • <i>Penyediaan pengangkutan awam yang mencukupi, selesa, selamat dan teratur; dan</i> • <i>Penyediaan pakej-pakej pelancongan yang menarik</i> |
| | | | | Pembangunan <i>River Resort</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Resort style accommodation;</i> • <i>Restaurant and café; dan</i> • <i>Retail/shop/souvenir</i> | | |
| | | | | Penswastaaan Temburong <i>Resthouse</i> dan sekitarnya <ul style="list-style-type: none"> • <i>Cultural and Heritage Museum;</i> • <i>Retail/shop/souvenir;</i> • <i>Beauty and spa; dan</i> • <i>Restaurant and café</i> | | |
| | | | | Penswastaaan <i>Temburong Cultural and Heritage Gallery</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Gallery on Temburong ethnic cultures and heritage;</i> • <i>Retail/shop/souvenir; dan</i> • <i>Food and beverage</i> | | |
| | | | | Aktiviti-aktiviti Tambahan: <i>Temburong Marathon; dan</i> <i>Leisure and Theme Park;</i> | | |

8.6.2 PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN KAMPONG AYER

Sasaran adalah untuk meningkatkan jumlah pelawat daripada 15,628 (2016) kepada 30,000 (2020)

Inisiatif Utama:

- i. Penswastan Pusat Kebudayaan, Komersil Dan Rekreasi melalui projek pembangunan *Artisan Village* di beberapa mukim di Kampong Ayer;
- ii. Menaik taraf Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer; dan
- iii. Mengadakan *River Cruise Heritage Trail* termasuklah menonjolkan tempat-tempat bersejarah di Sungai Brunei

Jadual 10. Pelan Pelaksanaan Produk Pelancongan Primer (Kampong Ayer)

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|---------------------------------------------|----------------|--------------|--------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Penguksahan produk pelancongan Kampong Ayer | Jumlah pelawat | 15,628 | 30,000 | Menaik taraf Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer dan persekitarannya | 15hb September 2016 | <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran RFP Kampong Ayer • Penyediaan pengangkutan air yang selesa, selamat dan teratur • Penyediaan pakej-pakej pelancongan yang menarik <ul style="list-style-type: none"> ➤ <i>Kg Ayer River Cruise Tour</i> ➤ <i>Evening River Cruise Tour</i> ➤ <i>Proboscis Monkey and Wildlife Spotting Tour</i> ➤ <i>Calligraphy Corner</i> ➤ <i>Photo Corner (Instant Print with Specialised PhotoFolder / Frame)</i> • Retail/ Restoran • Kraftangan |
| | | | | River Cruise Heritage Trail (Jong Batu, Lumut Lunting, Gasing Awang Semaun, Pulau Chermin dan lain-lain) | | <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan signages/papan tanda maklumat tempat-tempat bersejarah di Sungai Brunei |
| | | | | Aktiviti-aktiviti Tambahan: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Cultural show;</i> • <i>Food festival;</i> dan • Aktiviti-aktiviti mengikut acara tahunan seperti acara-acara pada Hari Kebangsaan dan lain-lain | | |

8.6.3 PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN BANDAR SERI BEGAWAN

Sasaran adalah untuk meningkatkan jumlah pelawat daripada 116,331 (2016) kepada 236,000 (2020).

Inisiatif Utama:

- i. Pembangunan Tasek Lama;
- ii. Pembangunan Tamu Selera;
- iii. Pembangunan Taman Jubilee;
- iv. Memajukan Bangunan Dermaga Diraja (Galeri Seni); dan
- v. *Heritage Trail*

Jadual 13. Pelan Pelaksanaan Produk Pelancongan Primer (BSB)

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|---------------------------------------------------|----------------|--------------|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Pengukuhan produk pelancongan Bandar Seri Begawan | Jumlah pelawat | 116,331 | 236,000 | Pembangunan Tamu Selera <ul style="list-style-type: none"> • <i>Food And Beverage outlets</i> • <i>Retail/shop/ souvenirs</i> • <i>Playground</i> | | <ul style="list-style-type: none"> • RFP • Pewartaan Tapak • Penyediaan pengangkutan awam yang mencukupi, selesa, selamat dan teratur • Penyediaan pakej-pakej pelancongan yang menarik |
| | | | | Memajukan Kawasan Bangunan Dermaga Diraja (Galeri Seni) <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Pusat Maklumat Pelancongan • Aktibiti hujung minggu (kesenian dan penjualan kraftangan) | | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan perkhidmatan informasi kepada pelancong • Menyediakan tempat-tempat penjualan di luar dan di dalam galeri |
| | | | | <i>Heritage Trail</i> (Bangunan Dermaga DiRaja, Gerbang Perpustakaan, Masjid Omar Ali Saifudien, Istana Darussalam, Kubah Makam DiRaja, Batu Tersilah, Jambatan Rangan, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Di Raja, Bangunan Sekretariat, Makam Raja Ayang, Tugu Jam, Bangunan Lapau, Lapau Lama, Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifudien, Pusat Kesenian dan Petukangan Tangan, Makam Sultan Bolkuah, Tapak Arkeologi Kota Batu, Makam Sultan Sharif Ali dan lain-lain.) | | <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan <i>signages</i> dan papan tanda maklumat mengenai tempat-tempat bersejarah • Kerjasama dengan agensi pelancongan dan pemandu pelancong bagi mempromosi <i>Heritage Trail</i>. |

8.6.4 PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN *EMERGING*

Memperkenalkan produk pelancongan emerging dengan jumlah pelawat disasarkan 25,000 pada tahun 2020

Inisiatif Utama:

- i. Pembangunan dan pemajuan Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas;**
- ii. Pembangunan dan pemajuan Taman Rekreasi Sungai Basong/Pantai Seri Kenangan, Tutong; dan**
- iii. Pembangunan Ekopelancongan Sibonghutan di Kg Tanah Jambu**

Jadual 15. Pelan Pelaksanaan Produk Pelancongan *Emerging*

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|-----|--------------|--------------|-----------------------------------------------------------------------|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Meningkatkan Produk Pelancongan “ <i>Emerging</i> ” Pantai-Pantai dan Taman-Taman Rekeasi | | NA | 25,000 | Pembangunan Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas | | <ul style="list-style-type: none"> • Penswastaan aktiviti-aktiviti riadah, pantai, rekreasi, penyediaan ruang-ruang kedai dan tempat makan • Penyediaan pakej-pakej pelancongan seperti <i>Mountain Biking, All Terrain Vehicle (ATV)</i> dan <i>Jungle Trekking</i>. • Penyediaan dan penswastaan <i>Chalet</i> |
| | | NA | NA | Pembangunan Taman Rekreasi Sungai Basong/Pantai Seri Kenangan, Tutong | | <ul style="list-style-type: none"> • Penswastaan aktiviti-aktiviti riadah, pantai, rekreasi, penyediaan ruang-ruang kedai dan tempat makan |

Jadual 15. Pelan Pelaksanaan Produk Pelancongan *Emerging*

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|-----|--------------|--------------|----------------------------------------------------------|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Meningkatkan Produk Pelancongan “ <i>Emerging</i> ” Pantai-Pantai dan Taman-Taman Rekeasi | | NA | N.A | Pembangunan Ekopelancongan Sibonghutan di Kg Tanah Jambu | | <ul style="list-style-type: none"> • Penswastaan aktiviti-aktiviti riadah, pantai, rekreasi, penyediaan ruang-ruang kedai dan tempat makan • Penyediaan pakej-pakej pelancongan seperti <i>Green Camp, Marine Life Centre dan lain-lain.</i> • Penyediaan dan penswastaan <i>Eco Resort.</i> |

8.6.5 MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN DAN FASILITI PRODUK PELANCONGAN

Inisiatif Utama:

- i. Memperkenalkan program peningkatan kemahiran agensi pelancongan dengan mensasarkan seramai 120 pemandu pelancong yang berlesen pada tahun 2020;
- ii. Menggalakan kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan dalam menawarkan kursus dalam bidang pelancongan dengan mensasarkan sebanyak 5 institusi pendidikan;
- iii. Memperkenalkan *standard* pelancongan dengan mensasarkan deraf standard pelancongan sebanyak 8 deraf pada tahun 2020;
- iv. Menyediakan garispandu klasifikasi penginapan premis pelancongan yang tepat mengikut keperluan antarabangsa dengan mensasarkan 90 buah tempat penginapan pada tahun 2020; dan
- v. Memperkenalkan program Pengiktirafan dan Pensijilan dengan mensasarkan sebanyak 5 jenis bidang pensijilan pada tahun 2020.

Jadual 16. Pelan Pelaksanaan Kualiti Perkhidmatan Dan Fasiliti Produk Pelancongan (1)

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|--------------|--------------|--------------------------------------------------|-------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Peningkatan kualiti perkhidmatan dan fasiliti produk pelancongan | Jumlah pemandu pelancong yang berlesen | NA | 120 | Program Peningkatan Kemahiran Agensi Pelancongan | | <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Institusi Pengendali Latihan bagi Skim Latihan Pemandu Pelancong • Penyediaan Skim Pembiayaan Latihan • Pengiktirafan kurikulum Pemandu Pelancong mengikut keperluan World Federation Tour Guide Association. |
| | Jumlah institusi menawarkan kursus dalam bidang pelancongan | NA | 5 | Program Peningkatan Kemahiran Sektor Penginapan | | <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan dan mengenalpasti kursus-kursus latihan keperluan kualiti industri pelancongan • Kerjasama dengan institusi-institusi yang berpotensi untuk melaksanakan skim latihan yang diuluskan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan • Penilaian institut latihan industri pelancongan |


Jadual 16. Pelan Pelaksanaan Kualiti Perkhidmatan Dan Fasiliti Produk Pelancongan (2)

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|--------------|--------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Peningkatan kualiti perkhidmatan dan fasiliti produk pelancongan | Jumlah deraf <i>standard</i> pelancongan | NA | 8 | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Standard Homestay</i> • <i>Standard</i> Pemandu Pelancong • <i>Standard</i> Tandas Awam • <i>Standard</i> Operasi Penyelaman • <i>Standard</i> Bandar Pelancongan Bersih • <i>Standard</i> “<i>Community Based Tourism</i>” • <i>Standard</i> Pelancongan Islam • <i>Standard</i> Meeting, Incentives, Convention, Exhibition (MICE) • <i>Standard</i> Perkhidmatan Spa • <i>Standard</i> Pengangkutan | | <ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Komiti <i>Standard</i> bagi Pelancongan • Penubuhan Komiti Teknikal mengikut bidang • Penyelidikan dan kajian • Membangunkan Deraf <i>Standard</i> • Outreach program – program kesedaran dan pengenalan <i>standard</i> kebangsaan baru melalui bengkel dan seminar kepada pengguna dan stakeholder |
| | Jumlah klasifikasi penginapan premis pelancongan yang tepat | NA | 90 | Klasifikasi Penginapan | | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan garispandu klasifikasi penginapan mengikut keperluan antarabangsa • <i>Outreach program</i> – program kesedaran dan pengenalan kepada pengusaha penginapan pelancongan mengenai garispandu |

Jadual 16. Pelan Perlaksanaan Kualiti Perkhidmatan Dan Fasiliti Produk Pelancongan (3)

| PROGRAMMES | KPI | SASARAN | | INISIATIF | JANGKAAN KELUARAN | AKTIVITI UTAMA |
|------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|--------------|--------------|--------------------------------------|-------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | Sebenar 2016 | Sasaran 2020 | | | |
| Peningkatan kualiti perkhidmatan dan fasiliti produk pelancongan | Jumlah bidang persijilan diperkenalkan | NA | 5 | Program Pengiktirafan dan pensijilan | | <ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan penyelidikan dan kajian ke atas keperluan persijilan • Menyediakan prosedur, kriteria dan SOP bagi setiap bidang persijilan • Outreach program – program kesedaran kepada dan pengenalan ke atas bidang – bidang persijilan yang di tawarkan oleh Jabatan. |

9. STRUKTUR ORGANISASI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



10.RUMUSAN

- i. Halatuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, selepas ianya diberikan nama dan portfolio baharu pada 22hb. Oktober 2015 bersamaan 9hb. Muharram 1437, adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016;
- ii. Dengan visi, **“Ke Arah Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Sehingga Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi demi Mencapai Wawasan Brunei 2035”**, matlamat Kementerian ini ialah supaya pertumbuhan keluaran dari industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan dapat dipercepatkan dan dipertingkatkan bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Negara Brunei Darussalam;

- iii. Ke arah itu, Kementerian ini senantiasa memberi penekanan kepada **pertumbuhan keluaran; produktiviti; eksport; dan berdayatahan**. Ini adalah bagi memastikan adanya pertumbuhan dan penambahan besar dalam keluaran (output) dari industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan secara berterusan setiap tahun; pentingnya penggunaan teknologi dan teknik moden dalam pengeluaran untuk membantu meningkatkan produktiviti, melonjakkan pengeluaran dengan cepat, membantu mengurangkan unit kos pengeluaran serta membantu meningkatkan daya saing antarabangsa atau *international competitiveness* sehingga dapat bersaing di peringkat antarabangsa; mustahaknya pengusaha untuk tidak lagi bergantung kepada pasaran domestik yang kecil, malah terpaksa menerokai pasaran eksport demi menjamin peluang pertumbuhan peniagaan dan pertumbuhan KDNK; dan seterusnya memastikan bahawa dalam melaksanakan strategi untuk meningkatkan keluaran, sebarang usaha akan dilakukan untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan kerajaan melalui kaedah-kaedah seperti '*public-private partnership*', pelaburan langsung asing dan lain-lain kaedah yang sesuai dan *cost-effective*; dan
- iv. Dalam kesungguhan untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran industri-industri ini, Kementerian ini akan sentiasa menitikberatkan pengurusan alam sekitar secara mampan bagi keseimbangan pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.